

**SEJARAH BUNGA EMAS DAN KEDATANGAN ISLAM  
KE KEDAH: KAJIAN PERBANDINGAN TERHADAP  
AT-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH  
DAN HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA**  
*The History of Bunga Emas and the Advent of Islam in Kedah:  
A Comparative Study between At-Tarikh Salasilah  
Negeri Kedah and Hikayat Merong Mahawangsa*

\*NOR ATIQA BINTI SUKRI

*Pusat Pengajian Pascasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.*

*Corresponding author: \*noratiqah1708@gmail.com*

*Dihantar: 5 Julai 2022 / Penambahbaikan: 30 Ogos 2022 / Diterima: 6 September 2022 / Terbit: 1 Disember 2022  
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.3820>*

**Abstrak** Sumber memainkan peranan yang amat signifikan dalam menilai keobjektifan sesebuah peristiwa sejarah. Walau bagaimanapun ada peristiwa yang mempunyai garapan berbeza dalam sesebuah sumber meskipun sumber tersebut merupakan sumber yang terutama. Makalah ini bertujuan menganalisis dua sumber utama dalam *Historiografi Negeri Kedah*, iaitu *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan memfokuskan kajian kepada dua peristiwa yang terpilih iaitu Sejarah Bunga Emas dan kedatangan Islam di Kedah. Metodologi kajian yang digunakan dalam makalah ini ialah analisis tekstual dan kajian kepustakaan. Ia didahului dengan perbincangan secara sepintas lalu berkenaan kajian-kajian lepas, metodologi kajian dan latar belakang kedua-dua buah naskhah. Seterusnya, perbincangan difokuskan kepada dua peristiwa terpilih, iaitu berkenaan dengan Sejarah Bunga Emas dan kedatangan serta aktiviti perkembangan ajaran Islam di negeri Kedah. Kajian ini dapat mengetengahkan sumber yang lebih berautoriti dalam kajian *Historiografi Negeri Kedah*.

**Kata kunci:** Sejarah Kedah, *At-Tarikh Salasilah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Sejarah Bunga Emas, kedatangan Islam.

*Abstract* The source from which something originates or can be obtained is a significant aspect in evaluating the objectivity of a historical event. However, there are events that have different interpretations even in the main sources. This paper aims to analyze two main sources in the Kedah

*State Historiography, i.e., At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah and Hikayat Merong Mahawangsa, by focusing on two selected events: the history of Bunga Emas and the advent of Islam in Kedah. The methodology of research used in this paper is textual analysis and library research. This paper is preceded by a brief discussion of past studies and followed by the research methodology and the background of the two main sources. Next, the discussion focused on the two selected events which are the history of Bunga Emas and the arrival and development of Islamic teachings in the state of Kedah. This study presents more authoritative sources in the study of Kedah State Historiography.*

**Keywords:** *History of Kedah, At-Tarikh Salasilah, Hikayat Merong Mahawangsa, history of Bunga Emas, the advent of Islam.*

## PENGENALAN

Penulisan pensejarahan Melayu telah melalui episod yang panjang merangkumi pelbagai perspektif, terutama dari sudut pengumpulan bahan, analisis bahan, dan seterusnya menyimpulkan sesebuah hasil penyelidikan. Dalam hal ini, jelas dapat difahami bahawa sesebuah sumber memainkan peranan yang signifikan dalam penulisan pensejarahan Melayu. Dalam membuat penilaian terhadap sesebuah peristiwa yang mempunyai garapan berbeza dalam beberapa jenis sumber, seseorang sejarawan perlu mengemukakan hujah dan justifikasi yang kukuh dalam mengemukakan sesebuah fakta berdasarkan kepada sesebuah sumber sejarah. Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa sumber-sumber ini masih perlu dibahas dan dibincangkan dengan lebih mendalam, terutama dalam beberapa persoalan utama yang lain. Dalam usaha memperoleh keputusan akhir yang lebih konkrit bagi menilai kedudukan sesebuah sumber sebagai sumber sejarah, makalah ini akan meneliti dan mengupas dua sumber bertulis yang utama dalam historiografi Kedah iaitu *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Makalah ini akan menilai sejauh manakah nilai kesejarahan yang boleh diambil dari kedua-dua sumber ini dengan berfokuskan kepada dua isu yang signifikan iaitu Sejarah Bunga Emas dan Kedatangan serta Perkembangan Islam di Negeri Kedah.

## SOROTAN LITERATUR

Antara rujukan utama dalam makalah ini ialah sebuah karya yang ditulis oleh Muhammad Yusoff Hashim iaitu *Persejarahan Melayu Nusantara* yang diterbitkan oleh Teks Publishing pada tahun 1988. Dalam tulisannya, Muhammad Yusoff Hashim telah menyebutkan terdapat beberapa sumber atau karya yang menceritakan berkenaan dengan historiografi Kedah yang mana dua daripadanya ialah *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Walau bagaimanapun, beliau menyebutkan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan salah satu karya bersifat *archtype* yang mana ia mempunyai banyak versi dan bersifat tidak tetap dan pasti. Tambahan pula garapan penulisan yang ditulis oleh penulisnya dilihat mempunyai unsur-unsur naratif bukan historis yang tinggi. Selain itu, Muhammad Yusoff Hashim juga menekankan bahawa ada bahagian dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *At-Tarikh Salasilah* ini bersifat tidak sikronis walaupun menceritakan tentang peristiwa yang sama. Buku *Persejarahan Melayu Nusantara* ini merupakan antara pencetus idea yang utama untuk penulis.

Seterusnya, penulis juga merujuk kepada tulisan Arba'iyah Abd Aziz pada tahun 2016 yang diterbitkan oleh *International Journal of INTI* di bawah tajuk *Fiction or Facts; Hikayat Merong Mahawangsa (The Kedah Annals) in The View of Current Civilization Value*. Dalam tulisannya, Arba'iyah Abd Aziz mengatakan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan sebuah dokumen sejarah Melayu tradisional yang agung. Tambahnya lagi, hikayat ini mempunyai nilai budaya dan adat yang mampu mencerminkan kehidupan dan peradaban masyarakat Melayu tradisional. *Sejarah Melayu* mempunyai koleksi karya sastera dan karya sejarah yang banyak dan memerihalkan berkenaan dengan penubuhan kerajaan Melayu, kemajuan sehinggalah kejatuhannya. Begitu juga dengan *Hikayat Merong Mahawangsa* yang bukan sahaja menceritakan berkenaan dengan susur galur keturunan raja-raja, bahkan turut menceritakan peradaban dan keagungan Kerajaan Kedah. Arba'iyah menjelaskan bahawa unsur mitos dan legenda merupakan penarik dalam tradisi Melayu. Walau bagaimanapun, penulis melihat pendapat yang diutarakan oleh Arba'iyah Abd Aziz ini sebagai satu pandangan yang dikemukakan berdasarkan konteks sastera Melayu dan bukannya dari sudut Historiografi Melayu tradisional.

Jelani Harun dalam salah satu tulisannya yang diterbitkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM), *Journal of Malay Literature* pada tahun 2019 berjudul “At Tarikh Salasilah Negeri Kedah; *A Malay World Literary Heritage*”, beliau menyatakan bahawa *At-Tarikh Salasilah* merupakan sumber yang wajar dikemukakan sebagai sebuah warisan persuratan yang lahir di Tanah Melayu pada abad ke-20. Tambahnya lagi, manuskrip-manuskrip dari negeri Kedah mempunyai keunikannya yang tersendiri namun kekurangan maklumat dan perolehan bahan telah menyebabkan kelestarian warisan dan budayanya terkesan. *At-Tarikh Salasilah* diketengahkan sebagai sebuah karya sejarah oleh Jelani Harun kerana ia bukan sahaja memperincikan tentang asal usul dan keturunan salasilah raja-raja Melayu Kedah, tetapi juga peristiwa-peristiwa penting dalam Kerajaan Kedah. Kedudukan penulis *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang merupakan seorang pengarang istana juga menunjukkan bahawa penulisannya adalah salah satu dari kehendak dan diluluskan oleh istana. Jelani Harun turut menyatakan bahawa penulisan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* adalah seiring dan selari dengan Sejarah Melayu.

Selanjutnya, penulis juga turut merujuk kepada satu dokumen rasmi dalam Sejarah Negeri Kedah iaitu teks perundangan Undang-undang Kedah. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Undang-undang Kedah mempunyai beberapa versi, tetapi versi yang menjadi rujukan penulis ialah versi yang diselenggara oleh Mariyam Salim dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2005. Dalam Undang-undang Kedah terdapat satu set bahagian yang menceritakan undang-undang berkaitan dengan Bunga Emas yang menjadi salah satu peristiwa yang signifikan dibincangkan dalam makalah ini. Dari Undang-undang Kedah dapat diperhatikan bahawa Bunga Emas bukanlah semata-mata hadiah pohon emas dan perak yang dikirim sebagai hadiah kebesaran, bahkan membawa simbol yang lebih penting dari itu, iaitu sebagai peneguh hubungan dan simbolik kepada kewujudan hubungan diplomatik antara dua negara iaitu Kedah dan Siam. Hal ini secara tidak langsung telah menjelaskan signifikansi Bunga Emas dalam memelihara keamanan dan kedaulatan sesebuah kerajaan khususnya Kerajaan Kedah.

Kedatangan Islam sebagai salah satu agama dan kepercayaan yang disebarkan dari Timur Tengah merupakan salah satu fakta yang tidak boleh dinafikan kewujudannya. Islam datang ke Tanah Melayu melalui jalan-jalan perdagangan, peranan-peranan ulama dan peranan-peranan penulisan. Berdasarkan sebuah artikel yang ditulis oleh Mohd Fadhli Ghani pada tahun 2020, beliau menjelaskan berkenaan dengan penyebaran Islam di Kedah yang mana dimulakan oleh seorang ulama dari Yaman iaitu Sheikh Abdullah Al Qumairi. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bukanlah perkara yang asing, namun yang membezakannya adalah pada cara penyebaran dan tokoh-tokoh yang menyebarkan Islam. Berdasarkan tulisan Mohd Fadhli Ghani, ini Sheikh Abdullah Al Qumairi datang ke Kedah dengan menaiki kapal dagang dan seterusnya menyebarkan ajaran Islam di institusi beraja negeri Kedah. Hal ini dilihat oleh pengkaji sebagai satu perkara yang sinkronis dengan yang ditulis dalam *At-Tarikh Salasilah Kedah* namun mempunyai garapan yang berbeza seperti mana yang tercatat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Secara tidak langsung, kesemua rujukan awal yang dirujuk oleh pengkaji telah menemukan pengkaji dengan percanggahan dan perdebatan fakta-fakta yang wujud dalam kedua-dua sumber utama dalam kajian ini yang akhirnya membawa pengkaji untuk mencetuskan idea bagi melaksanakan kajian terhadap kedua-dua sumber utama dalam Historiografi Kedah ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam makalah ini ialah kajian berbentuk kualitatif dengan mengetengahkan tiga kaedah, iaitu kajian kepustakaan, analisis tekstual dan kajian komparatif yang dijalankan ke atas dua sumber bertulis yang utama iaitu *At-Tarikh Salasilah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kaedah analisis dokumen dan kajian komparatif ini turut digunakan dan diimplementasikan ke atas beberapa kajian lepas, artikel-artikel jurnal, tesis, buku dan kertas-kertas prosiding yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian juga turut dilakukan ke atas sumber-sumber tempatan dan sumber-sumber daripada penulis-penulis Barat selain menumpukan kepada versi-versi sumber yang telah dihasilkan.

## LATAR BELAKANG TEKS

*At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, selepas ini disebut hanya sebagai *At-Tarikh Salasilah*, merupakan sebuah karya yang ditulis berdasarkan sudut pandang seorang pengarang istana iaitu Encik Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. Beliau merupakan Setiausaha Sulit kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah. *At-Tarikh Salasilah* merupakan sebuah karya historiografi sejarah yang menceritakan tentang sejarah pembentukan kerajaan dan salasilah raja-raja Kedah yang ditulis pada tahun 1927. Versi yang digunakan dalam makalah ini ialah versi yang diterbitkan pada tahun 2018 oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK).

*Hikayat Merong Mahawangsa* pula merupakan sebuah naskhah yang mempunyai banyak versi. Antara versi yang terkenal ialah versi R. J Wilkinson, versi W. Maxwell, versi Sturrock, versi James Low dan versi Von De Wall. Dalam makalah ini, versi yang digunakan adalah versi R.J Wilkinson yang ditransliterasikan oleh Siti Hawa Salleh dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya pada tahun 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa* dipercayai merupakan sebuah dokumen pensejarahan Melayu tradisional (Arbaiyyah Abd Aziz, 2016:81). Naskhah ini menceritakan asal usul keturunan Raja Kedah dan peristiwa-peristiwa penting dalam pensejarahan Kedah, termasuklah berkenaan dengan Sejarah Bunga Emas dan Penyebaran serta Perkembangan Islam di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, status *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai karya sejarah sering dijadikan perdebatan dalam kalangan sarjana kerana wujud elemen mitos dan legenda yang tinggi dalam naskhah ini. Aspek bukan sejarah (*non-historical aspects*) dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* mempunyai peratusan yang lebih tinggi berbanding unsur-unsur sejarahnya (Muhammad Yusof Hashim, 1988:358).

## SEJARAH BUNGA EMAS

Bunga Emas merupakan salah satu daripada mekanisme yang digunakan oleh pemerintah-pemerintah Kerajaan Melayu Tradisional untuk mewujudkan hubungan luar atau hubungan diplomatik antara kerajaan (Gallop, 1994:78). Ia sebagai simbol memulakan persahabatan dan simbol pengukuhan

hubungan antara satu kerajaan dengan kerajaan yang lain. Dalam konteks ini, ia dianggap sebagai serampang dua mata yang dilaksanakan oleh pemerintah bagi mengukuhkan kedudukan dan menyebarkan pengaruh kekuasaannya, sama ada melalui adat atau fahaman agama. Berdasarkan adat istiadat dalam Kerajaan Kedah, upacara menghantar Bunga Emas ini dibuat setiap tiga tahun sekali. Selain dari Bunga Emas, bantuan-bantuan dari sudut ekonomi, ketenteraan dan hasil bumi juga merupakan pertukaran yang dibuat antara negara (Muhammad Yusof Hashim, 1980:75).

Dalam *At-Tarikh Salasilah*, tradisi penghantaran Bunga Emas dimulakan selepas teretusnya perang antara negeri Tenangsari (Tennaserim, Burma) dan Kerajaan Kedah (Kalaha pada ketika itu). Raja Tenangsari sendiri telah bertindak memimpin angkatan tenteranya menuju ke Kerajaan Kedah. Raja Kedah ketika itu, Seri Paduka Maharaja Derma Raja yang merupakan raja ketujuh dalam pentadbiran Kedah telah mendengar perkhabaran bahawa angkatan perang dari Negeri Tenangsari sedang bergerak menuju ke Kedah. Baginda yang ketika itu sedang bersemayam di Kota Bukit Meriam telah mengadakan mesyuarat tergempar bersama-sama dengan adindanya iaitu Paduka Adinda Maha Putra dan sekalian para pembesar untuk mengatur strategi bagi memastikan kedaulatan negeri Kedah terus dipertahankan.

Setelah perbincangan dijalankan, mereka bersepakat untuk menunggu dan menghalang kemaraan angkatan Tenangsari di sebuah tempat iaitu di Padang Jangam. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Padang Jangam hari ini ada di Padang Besar di Kuala Perlis. Angkatan pahlawan dan hulubalang negeri Kedah kemudiannya bersiap sedia untuk bergerak ke Padang Jangam. Setelah tiba, pelbagai persiapan dibuat seperti menyediakan kolam air dan tempat tinggal untuk para pahlawan dan hulubalang Kedah. Raja Tenangsari dan angkataannya tiba di Padang Jangam lalu peperangan antara dua buah kerajaan ini bermula. Ramai yang cedera dan meninggal dunia. Walau bagaimanapun, angkatan tentera pimpinan Paduka Adinda Maha Putra tetap gagah mempertahankan Padang Jangam agar tidak dicerobohi dan dilepasi oleh Raja Tenangsari.

Peperangan yang berlaku antara kedua-dua buah kerajaan ini akhirnya sampai ke pengetahuan Raja Legor. Raja Legor telah berbincang dengan

sekalian pembesarnya dan memutuskan untuk menghantar bantuan kepada Paduka Adinda Maha Putra di Padang Jangam. Bantuan yang dihulurkan oleh Raja Legor disambut dengan tangan terbuka oleh Maha Putra. Peperangan antara Tenangsari dan Kerajaan Kedah berlangsung hampir setahun lamanya. Perang kemudiannya berakhir dengan pengunduran Raja Tenangsari dan angkatannya. Selepas itu, tentera Kedah pun meninggalkan medan pertempuran tersebut. Setibanya di Kota Bukit Meriam, Paduka Adinda Maha Putra memaklumkan kepada Maharaja Derma Raja berkenaan dengan bantuan dan pertolongan yang dihulurkan oleh Raja Legor sehingga membantu kemenangan bagi Kerajaan Kedah.

Maharaja Derma Raja kemudiannya berbincang dengan para pembesar untuk membalas pertolongan yang telah diberikan oleh Raja Legor kepada Kerajaan Kedah. Setelah bermesyuarat, mereka bersepakat untuk menghantar hadiah berupa Bunga Emas dan perak kepada Raja Legor sebagaimana yang diriwayatkan seperti berikut:

Hatta pada suatu hari, Seri Paduka Maharaja Derma Raja muafakat dengan paduka adinda baginda Maha Putra dan Menteri Keempat dan Menteri Delapan hendak balas kebajikan Raja Legor yang bantu peperangan di Padang Jangam itu. Akhir keputusan muafakat yang tersebut itu tetap hendak diperbuat sephohon Bunga Emas dan sephohon bunga perak. (Muhammad Hassan, 2018:45).

Hadiah yang dihantar juga merangkumi 12 perisai, 12 utar-utar (perisai kecil), 12 tombak, 12 lembing dan 12 kayu kain putih. Bunga Emas dan bunga perak ini merupakan simbol ganti rugi terhadap semua perbelanjaan perang yang diberikan oleh Raja Legor kepada Maha Putra sewaktu peperangan berlaku. Hal ini termasuklah ganti perbelanjaan terhadap tombak, lembing, perisai serta ganti senjata hulubalang-hulubalang yang digunakan sewaktu perang. 12 kayu kain putih yang dihadiahkan kepada rakyat Raja Legor sebagai simbol pakaian-pakaian dan juga pahlawan yang telah terkorban semasa peperangan berlaku. Pembesar Tan Derma Dewa telah ditugaskan oleh Maharaja Derma Raja untuk membawa semua hadiah tersebut ke kerajaan Raja Legor.



Setibanya Tan Derma Dewa di Kerajaan Raja Legor, beliau disambut dengan meriah oleh Raja Legor dan para pembesarnya. Raja Legor amat berbesar hati menerima hadiah daripada Maharaja Derma Raja atas bantuan yang telah diberikan olehnya. Baginda kemudian membuat keputusan untuk membalas hadiah tersebut sebagai simbol jalinan persahabatan antara dua kerajaan. Raja Legor mengiriskan hadiah balasan berupa gaharu dan kemenyan berserta lapan ratus gantang beras serta sepersalinan pakaian kepada rombongan Tan Derma Dewa. Sepucuk surat juga diutus yang mana isinya menyebutkan tentang tradisi penghantaran Bunga Emas dan Perak ke negeri Raja Legor sebagai simbol persahabatan dan persaudaraan yang berkekalan antara kedua-dua kerajaan.

Penghantaran Bunga Emas ke Kerajaan Legor ini dibuat dalam jangka masa tiga tahun sekali. Peristiwa balasan terhadap bantuan peperangan inilah yang menjadi permulaan kepada tradisi penghantaran Bunga Emas dalam *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Ia seterusnya menjadi salah satu daripada adat istiadat rasmi yang diamalkan oleh Kerajaan Kedah meski setelah kemangkatan Seri Paduka Maharaja Derma Raja. Dalam hal ini, jelas dapat dilihat seperti yang dinyatakan dalam *At-Tarikh Salasilah* bahawa sejarah penghantaran Bunga Emas ini berlaku sebagai tanda penghargaan dan berterima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Raja Legor ketika peperangan tercetus antara Tenangsari dan Kerajaan Kedah. Selepas Kerajaan Siam menakluk dan mengambil alih kepimpinan Raja Legor, tradisi penghantaran Bunga Emas dan Pohon Perak bersama barang kebesaran ini tetap diteruskan.

Sementara itu, asal usul tradisi penghantaran Bunga Emas dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dilihat mempunyai catatan yang berbeza berbanding dengan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Asal usul tradisi penghantaran Bunga Emas yang dicatatkan oleh *Hikayat Merong Mahawangsa* bermula ketika zaman pemerintahan Raja Seri Mahawangsa. Ketika itu, Raja Seri Mahawangsa telah dikurniakan zuriat seorang putera yang elok rupa parasnya hasil perkahwinan dengan seorang puteri dari keturunan Raja Melayu. Seisi negeri Kedah dan segala yang berada di bawah tanah jajahannya menyambut kelahiran putera tersebut dengan meriah. Adat istiadat menyambut kelahiran anak raja dilakukan secara besar-besaran.

Tidak lama selepas itu, Raja Benua Siam yang merupakan kekanda sulung kepada Raja Seri Mahawangsa turut memperoleh seorang putera. Kelahiran putera kepada Raja Siam itu sampai ke pengetahuan Raja Seri Mahawangsa apabila tiba di istananya sepucuk surat dan bingkisan hadiah berupa permainan kanak-kanak dan orang tua. Ketika itu, putera Raja Seri Mahawangsa sudah mencapai umur tujuh tahun. Raja Seri Mahawangsa berasa amat gembira atas perkhabaran dan hadiah yang diterimanya daripada kekanda sulung yang berada di Benua Siam. Seterusnya, diriwayatkan bahawa, “... *Maka ia pun berfikir di dalam hatinya itu, 'Apa juga yang baik hendak aku membalaskan akan anak saudaraku itu...*” (Siti Hawa Salleh, 1998:42).

Setelah berfikir, Raja Seri Mahawangsa berhasrat untuk membina hubungan yang baik dengan Kerajaan Siam. Meskipun pernah wujud ketegangan antara Kerajaan Kedah dan Kerajaan Siam, baginda berhasrat untuk tidak menyebutkan peristiwa itu lagi. Biarlah hanya kebaikan dan hubungan baik antara kedua-dua kerajaan terus terjalin sehingga ke anak cucunya nanti. Lalu, Baginda Raja Seri Mahawangsa memanggil rombongan yang membawa bingkisan hadiah dari Benua Siam itu untuk bersantap dengan baginda di istana.

Setelah itu, semua pembesarnya untuk diarahkan memanggil tukang emas dan tukang perak. Tukang kayu dan tukang besi turut dipanggil menghadap. Raja Seri Mahawangsa telah menitahkan untuk membuat sepohon Bunga Emas dan sepohon bunga perak serta beberapa barang kebesaran yang lain. Antaranya ialah kelengkapan perang seperti tombak cabang dan lembing yang disaluti emas lengkap dengan perisai dan utar-utarnya. Tukang emas dan tukang perak bersama-sama dengan tukang besi dan tukang kayu mengambil masa yang lama untuk menyiapkan permintaan Raja Seri Mahawangsa itu sesuai dengan kehendak Raja. Masa diambil bertahun lamanya bagi memuaskan hati Raja Seri Mahawangsa. Baginda Raja telah bertindak menghancurkan mana-mana hasil yang tidak menepati cita rasanya dan menyuruh tukang-tukang tersebut mengerjakan yang baharu. Bertahun lamanya berlalu sehingga pembangunan dan perancangan Kerajaan Kedah seperti pembinaan kota parit dan balai istana terbengkalai.

Natijahnya, hasil akhir yang dikerjakan oleh tukang-tukang tersebut diterima dengan sukacita oleh Raja Seri Mahawangsa. Baginda kemudiannya memerintahkan seorang menteri dan 100 orang rakyatnya bersama dengan rombongan Raja Siam untuk pergi menghadap Raja Siam dan menyampaikan bingkisan-bingkisan hadiah yang telah disediakan. Rombongan Raja Siam turut dihadaikkan dengan sepersalinan pakaian yang indah dan kain-kain yang berkualiti tinggi. Baginda berpesan kepada rombongan Raja Siam, sekiranya Raja Siam memperoleh zuriat lagi, khabarkanlah berita tersebut kepada Kerajaan Kedah agar baginda boleh menghantarkan hadiah lagi. Hal ini dilakukan sedemikian sebagai simbol kasih sayang dan hubungan yang baik antara kedua-dua buah kerajaan. Meskipun tidak dengan tujuan meraikan kelahiran putera atau puteri Raja Siam, Raja Seri Mahawangsa tetap ingin meneruskan penghantaran Bunga Emas dan bunga perak ini sebagai menandakan hubungan mesra dan berpanjangan antara Kerajaan Kedah dan Kerajaan Siam. Tradisi tersebut kemudiannya diperintahkan untuk diteruskan oleh anak cucu baginda.

Sementara itu, menteri dan seratus orang ahli rombongan Kerajaan Kedah tiba di istana Raja Siam. Dengan penuh sukacita, Raja Siam tertawa dan gembira menerima pohon emas dan perak serta hadiah-hadiah lain daripada Raja Seri Mahawangsa. Menteri dari rombongan Kerajaan Kedah datang menghadap Raja Siam dan menyampaikan pesan daripada baginda Raja Seri Mahawangsa. Raja Siam berasa amat gembira apabila mendengarkan pesanan tersebut, manakala anakanda puteranya amat menyukai kiriman hadiah daripada Raja Kedah itu. Sejak itu, hubungan baik antara dua buah kerajaan semakin kukuh dan berkembang. Jika kecelakaan datang menimpa Kerajaan Kedah, maka Raja Siam tidak berdiam diri dan datang menghulurkan bantuan serta begitulah sebaliknya sebagaimana yang diwayatkan "*Jika sakit ia, sakitlah kita*". Tradisi penghantaran Bunga Emas dan perak tetap diteruskan dari generasi ke generasi sehingga ia termaktub sebagai adat istiadat Kerajaan Kedah.

Dalam isu sejarah Bunga Emas ini, analisis yang dilakukan adalah berdasarkan kepada dua perkara yang utama, iaitu dari sudut salasilah raja-raja Kedah dan bermulanya hubungan diplomatik Kedah-Siam. Selain itu, perkara yang menjadi pemerhatian ialah hantaran-hantaran iringan dalam

tradisi penghantaran Bunga Emas ini. *At-Tarikh Salasilah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* masing-masing mencatatkan susur galur pemerintah yang berbeza antara satu sama lain yang menyebabkan kedua-dua fakta dilihat bercanggah termasuklah dalam isu bermulanya tradisi penghantaran Bunga Emas ini.

**Jadual 1**

Senarai pemerintah awal Kerajaan Kalaha (Kedah)

<b>Pemerintah/Raja-raja Kedah (Kalaha)</b>	<b>At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah</b>	<b>Hikayat Merong Mahawangsa</b>
Pengasas Kerajaan	Maharaja Derbar Raja	Raja Merong Mahawangsa
Raja Kedua	Maharaja Derja Putra	Raja Merong Mahadipusat
Raja Ketiga	Maharaja Maha Dewa	Raja Seri Mahawangsa
Raja Keempat	Maharaja Karna Derja	Raja Seri Maha Inderawangsa
Raja Kelima	Seri Paduka Maharaja Kerma	Raja Phra Ong Mahadipusat
Raja Keenam	Seri Paduka Maharaja Maha Dewa	Raja Phra Ong Mahawangsa
Raja Ketujuh	Seri Paduka Maharaja Derma Raja	
Raja Kelapan	Seri Paduka Maharaja Maha Jiwa	
Raja Kesembilan	Seri Paduka Maharaja Derbar Raja II	

Walau bagaimanapun, perbezaan nama-nama pemerintah di antara kedua naskhah ini sukar untuk ditetapkan keobjektifannya kerana tiada pernyataan tarikh khusus yang dibuat bagi para pemerintah ini, melainkan mula dicatatkan setelah raja terakhir yang merupakan raja pertama yang menganut agama Islam. Dalam hal ini, kajian lanjutan yang mendalam diperlukan, terutama berkenaan dengan asal usul dan salasilah raja-raja Kedah sebelum kedatangan Islam. Hal ini seterusnya membawa kepada bermulanya hubungan antara Kedah dan Siam. Hubungan Kedah-Siam dikatakan sebagai kemuncak kepada adat penghantaran Bunga Emas ini. Hubungan Kedah-Siam dikatakan bermula sedari abad ke-12 yang mana ketika itu Kedah telah ditakluk oleh Siam. Dalam *At-Tarikh Salasilah*,

hubungan diplomatik Kedah-Siam diteruskan ketika zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. “Syahadan lagi, adalah pada sepuluh haribulan Rejab, Hijrah seribu dua ratus dua puluh empat, bermuafakatlah dengan paduka anakanda Sultan dan segala menterinya hendak angkat Tengku Anum Bin Tengku Abdul Rahman menjadi raja menghantar Bunga Emas kepada kerajaan Siam ...” (Muhammad Hassan, 2018:155).

Dalam konteks ini, dapat kita perhatikan sejarah asal usul permulaan penghantaran Bunga Emas dalam kedua-dua naskah mempunyai penceritaan yang berbeza. Permulaan kepada cetusan idea untuk menghantar Bunga Emas ini juga tidak tertumpu kepada kerajaan dan motif yang sama. *At-Tarikh Salasilah* mencatatkan bahawa penghantaran Bunga Emas kepada Raja Legor adalah sebagai simbol ucapan terima kasih atas bantuan ketika peperangan dan sebagai memulakan perhubungan antara kerajaan Raja Legor dan Kerajaan Kedah. *At-Tarikh Salasilah* juga mencatatkan Kerajaan Kedah yang mula melakukan penghantaran Bunga Emas dan kemudiannya Raja Legor membalas dengan pemberian hadiah balasan kepada Raja Kedah. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* pula, penghantaran Bunga Emas adalah simbol hubungan persaudaraan yang mesra dan kegembiraan menyambut kelahiran putera baharu dalam Kerajaan Siam. Dalam hal ini, *Hikayat Merong Mahawangsa* mencatatkan Raja Siam yang terlebih dahulu menghantar pemberian hadiah kepada Raja Kedah. Kemudian, barulah Raja Kedah membalas dengan penghantaran Bunga Emas kepada Raja Siam.

Seterusnya, penilaian dilakukan dengan membuat pemerhatian terhadap hantaran-hantaran iringan yang dihantar bersama dengan Bunga Emas, iaitu senjata-senjata dan kain putih. Tradisi penghantaran Bunga Emas sama ada kepada Raja Legor atau Kerajaan Siam, masing-masing turut disertakan dengan hadiah iringan seperti senjata, kayu putih dan juga sepersalinan pakaian kerajaan yang dibuat daripada sutera berkualiti tinggi. Fokus utama dalam pemerhatian ini adalah terhadap senjata yang dihantar oleh Kerajaan Kedah. Senjata sering kali dikaitkan sebagai simbol perjuangan dan tidak juga kurang dikaitkan dengan pemberontakan. Sudah tentu dalam menyambut kelahiran seorang putera, senjata sebagai hadiah adalah kurang sesuai. Dalam hal ini secara realistiknya, dapat diyakini bahawa tradisi penghantaran Bunga Emas bermula di antara Kerajaan Kedah

dan Raja Legor setelah peperangan antara Tenangsari dan Kerajaan Kedah tamat, bukannya sebagai simbol kegembiraan ketika menyambut kelahiran putera raja seperti yang dicatatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.

## KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN ISLAM DI KEDAH

Islam merupakan agama yang datang dan disebarikan di Tanah Melayu termasuklah di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, pertapakan ajaran Islam di negeri Kedah dilihat sebagai antara negeri yang terawal menerima pengaruh ajaran Islam di Tanah Melayu. Meskipun wujud pelbagai teori kedatangan Islam, tetapi dapat diyakini bahawa kedatangan Islam ke Kedah adalah melalui jalinan perdagangan dan peranan ulama yang menyebarkan dakwah ke Nusantara.

Dalam *At-Tarikh Salasilah*, kedatangan Islam bermula semasa pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derbar Raja II kira-kira pada tahun 531 Hijrah. Seri Paduka Maharaja Derbar Raja merupakan anak kepada Seri Paduka Maharaja Maha Jiwa yang mangkat dan disemadikan di Kota Bukit Meriam. Setelah kemangkatan ayahandanya, baginda ditabalkan menjadi raja yang baharu. Maharaja Derbar Raja kemudiannya mengetuai dan menerajui pemerintahan negeri juga di Kota Bukit Meriam peninggalan ayahandanya. Dikenali sebagai seorang pemerintah yang cukup mengambil berat akan rakyatnya, baginda sering berulang-alik dari Kota Bukit Meriam ke jajahannya di sebelah selatan bagi meninjau keadaan rakyat di sana.

Sehinggalah pada suatu ketika, pada tahun 1136 Masihi, seorang ulama dari Yaman bersama-sama dengan 11 orang sahabatnya tiba dengan kapal mereka ke negeri yang diperintah oleh Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Ulama tersebut ialah Tuan Syeikh Abdullah Bin Tuan Syeikh Ahmad bin Tuan Syeikh Ja'afar Kaumiri (selepas ini disebut sebagai Syeikh Abdullah). Syeikh Abdullah merupakan seorang ulama yang telah mengembara ke banyak tempat sebelum beliau tiba di negeri Kedah. Syeikh Abdullah berasal dari negeri Shahir (kini merupakan sebuah bandar pelabuhan di Yaman). Masyarakat Melayu sebagaimana yang kita ketahui mempunyai sifat taat setia yang tinggi terhadap raja mereka. Justeru, pengislaman Raja Kedah sememangnya memberikan kesan yang besar terhadap penerimaan agama

Islam di Kedah. Perkara ini juga disedari oleh Syeikh Abdullah dan beliau bersama-sama sahabat-sahabatnya juga memperakui perkara ini.

Syeikh Abdullah dan sahabat-sahabatnya telah pergi menghadap Maharaja Derbar Raja dan menyampaikan ajaran Islam kepada baginda. Baginda Maharaja Derbar Raja mula menanam minat terhadap ajaran Islam lalu meminta Syeikh Abdullah untuk tinggal dan mengajarkan agama kepada baginda dan para pembesar kerajaannya di istana. Setelah hampir lima tahun, maharaja dan para pembesar terbuka hati untuk memeluk agama Islam dan secara langsung telah menandakan permulaan negeri Kalaha (Kedah ketika itu) diperintah oleh pemerintah beragama Islam. Syeikh Abdullah kemudiannya dilantik sebagai penasihat sultan dan tinggal di istana. Setelah mengucapkan syahadah, Seri Paduka Maharaja Derbar Raja telah menggunakan nama *Zilullah Fil Alam* As-Sultan Al Mudzaffar Shah. Tercatat dalam *At-Tarikh Salasilah* bahawa Syeikh Abdullah telah menunaikan solat sunat sebanyak dua rakaat. Setelah pengislaman sultan dan para pembesar, nama negeri Kalaha juga ditukar kepada negeri Kedah Darul Aman. Peristiwa ini diriwayatkan dalam *At-Tarikh Salasilah* seperti berikut:

*Hatta, di dalam lima tahun dikurniakan Allah Taala lenditlah di atas ugama Islam, dengan bijaksana menzahirkan ilmu ugama dan lain-lain. ... Maka Tuan Syeikh Abdullah pun muafakat dengan menteri-menteri dan orang besar-besarnya, maklum kepada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja pohon kehendak ubah nama raja dan nama negeri..*

Sememangnya masyarakat Melayu terkenal dengan sifat taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintah atau raja mereka. Pengislaman Sultan Al-Mudzaffar Shah menyebabkan seluruh rakyat jelata juga mula mempelajari dan menganuti ajaran Islam yang diperkenalkan oleh Syeikh Abdullah dan 11 orang sahabatnya. Semakin lama, negeri Kedah Darul Aman menjadi antara salah sebuah Kerajaan Islam yang terkenal bersama-sama dengan kerajaan Islam lain seperti Kerajaan Islam-Perlak di rantau Nusantara. Banyak perubahan dan penambahbaikan dilaksanakan oleh Sultan Mudzaffar Shah dalam pemerintahannya berdasarkan nasihat yang diberikan oleh Syeikh Abdullah.

Antaranya ialah berkenaan dengan paluan sebanyak tujuh kali naubat nafiri yang dibunyikan pada setiap hari Jumaat sebagai menandakan hari kemuliaan oleh seluruh rakyat. Paluan naubat nafiri ini juga dibunyikan pada hari-hari biasa sebagai tanda masuknya waktu solat fardu. Struktur pemerintahan dan pentadbiran negeri Kedah di bawah pimpinan Sultan Mudzaffar Shah mulai disesuaikan dengan ajaran Islam. Baginda memerintah dengan adil dan saksama. Pada suatu ketika, Sultan Mudzaffar Shah bertanya kepada Syeikh Abdullah berkenaan dengan kemuliaan yang wujud di Tanah Arab. Syeikh Abdullah lalu mengatakan bahawa antara kemuliaan di Tanah Arab adalah masjid, menara dan laungan azan yang dikumandangkan. Sultan Mudzaffar Shah kemudiannya bertitah untuk dibuat sebuah mercu tanda juga di negeri Kedah sebagai tanda bahawa negeri kedah merupakan sebuah Kerajaan Islam yang berdaulat.

Mercu tanda yang dimaksudkan adalah sebuah menara yang ingin dibina di puncak Gunung Jerai. Syeikh Abdullah sendiri telah naik ke puncak Gunung Jerai dan memantau kerja-kerja pembinaan sehinggalah beliau jatuh sakit. Berita itu kemudiannya sampai ke pengetahuan Sultan Mudzaffar Shah. Baginda telah menziarahi Syeikh Abdullah. Dalam pertemuan itu, Syeikh Abdullah menyatakan sekiranya telah tiba ajalnya, beliau berhasrat untuk dimakamkan di lokasi sama mercu tanda itu dibina. Lokasi tersebut sehingga hari ini wujud dan dikenali dengan nama Padang Tok Syeikh yang terletak di Gunung Jerai. Tidak lama setelah itu, Syeikh Abdullah pun wafat. Setelah pemergian Syeikh Abdullah, Sultan Mudzaffar Shah pula jatuh gering dan mangkat pada tahun 575 Hijrah. Meskipun begitu, keagungan dan perkembangan ajaran Islam terus berlaku sehingga menjadikan negeri Kedah sebagai sebuah negeri Islam yang masyhur dan diwarisi oleh sekalian anak dan cucunya sehingga hari ini.

Sementara itu, dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, permulaan kepada proses kemunculan dan penyebaran Islam di Kedah dimulakan dengan beberapa peristiwa yang berlaku di Kota Baghdad. Sebagaimana yang disebutkan dalam *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, ulama yang datang menyebarkan ajaran Islam di Kedah ialah Tuan Syeikh Abdullah bin Tuan Syeikh Ahmad bin Tuan Syeikh Ja'afar Kaumiri. Walau bagaimanapun, yang dicatatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* hanyalah Syeikh



Abdullah anak Yaman. Oleh hal yang demikian, dapat ditafsirkan bahawa ulama yang dimaksudkan dalam kedua-dua naskhah adalah orang yang sama berdasarkan kepada tempat kelahiran, asal dan tempat mereka mendapatkan pendidikan agama iaitu di Kota Baghdad. Namun, hal yang mungkin menjadi perdebatan adalah berkenaan dengan nama maharaja Kedah yang diislamkan oleh mereka, sama ada Maharaja Derbar Raja atau Raja Phra Ong Mahawangsa.

Berdasarkan catatan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, pada suatu hari setelah selesai kulliah pengajian Syeikh Abdullah dengan gurunya Syeikh Abdullah Tua, Syeikh Abdullah telah bersemuka dengan gurunya dan meminta untuk dipertemukan dengan penghulu syaitan bagi dilihatkan kepada Syeikh Abdullah bagaimana syaitan memperdayakan manusia. Walau bagaimanapun, Syeikh Abdullah Tua tidak seberapa bersetuju dengan permintaan yang diutarakan oleh anak muridnya, Syeikh Abdullah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, beliau risau jika tipu daya syaitan mampu memperdaya anak muridnya. Syeikh Abdullah merupakan antara anak muridnya yang mempunyai kecerdasan lebih berbanding anak muridnya yang lain. Syeikh Abdullah sangat alim dalam bidang tafsir, kitab sufi dan kitab fikah. Beliau juga merupakan seorang penghafaz al-Quran.

Setelah dipujuk dan diyakinkan oleh Syeikh Abdullah kepada gurunya, maka beliau diminta untuk ke sebuah pokok dan menunggu sehingga tengah hari, akan ada seorang yang menyerupai manusia datang ke pokok itu, maka dialah penghulu syaitan dengan rupa manusia. Syeikh Abdullah menunggu sambil mengulang hafazan al-Quran. Setelah beberapa ketika, beliau merasakan tamparan kuat di kedua-dua belah pipinya namun tidak melihat gerangan yang menamparnya. Lalu, kejadian tersebut diadakan kepada gurunya. Kata Syeikh Abdullah Tua, penghulu syaitan benci mendengarkan alunan ayat al-Quran yang dibacakan oleh Syeikh Abdullah. Keesokkannya Syeikh Abdullah sekali lagi menunggu di pohon tersebut tanpa berkata apa pun. Tidak lama kemudian, penghulu syaitan dan iblis itu pun muncul dalam rupa manusia.

Pertemuan antara Syeikh Abdullah dan penghulu syaitan itu akhirnya membawa Syeikh Abdullah merantau ke beberapa buah kerajaan di pelosok

bumi. Mereka bertemu dengan pelbagai jenis manusia, ada yang sedang berjudi, yang sedang berzina, yang sedang mencuri dan berbunuh-bunuhan. Setelah berjalan seberapa lama, mereka bertemu seorang raja yang sangat gemar minum arak. Raja tersebut dikatakan tidak pernah mabuk meskipun telah menghabiskan bertong-tong arak api dan arak nasi. Raja yang dimaksudkan ialah Raja Phra Ong Mahawangsa. Ketika itu, Raja tersebut sedang bangun dari perbaringannya dan meminta arak untuk diminum. Sebelum arak tersebut sampai kepada raja, penghulu syaitan telah bertindak kencing di dalam arak tersebut.

Syeikh Abdullah terkejut melihatkan perilaku penghulu syaitan lantas beristighfar. Beliau memarahi perilaku penghulu syaitan yang dianggap kurang ajar terhadap seorang raja. Penghulu syaitan berasa tercabar lalu memutuskan untuk menghentikan perjalanan mereka menyebabkan Syeikh Abdullah akhirnya dilihat oleh pandangan mata kasar manusia termasuklah Raja Phra Ong Mahawangsa. Alangkah terkejutnya baginda melihatkan Syeikh Abdullah tiba-tiba muncul di bilik peraduannya. Maka dengan penuh hormat, Syeikh Abdullah memperkenalkan dirinya dan memberitahu Raja Phra Ong Mahawangsa bahawa baginda telah meminum air kencing syaitan bersama-sama dengan arak tadi. Syeikh Abdullah turut mengatakan bahawa beliau merupakan anak murid kepada gurunya dan beragama Islam. Raja Phra Ong Mahawangsa amat terkejut dan mula tertarik untuk mendengar lebih lagi berkenaan dengan ajaran agama Islam dari Syeikh Abdullah.

Syeikh Abdullah kemudiannya tinggal di sisi Raja Phra Ong Mahawangsa dan mengajarkan ajaran Islam kepadanya sehinggalah raja dan seluruh rakyat Kedah mengucapkan dua kalimah syahadat dan menjadi seorang Muslim. Berhala-berhala ajaran nenek moyang dan segala arak yang ada dalam Kerajaan Kedah dimusnahkan dan dihancurkan oleh Syeikh Abdullah. Ketika raja ingin mengarahkan menteri untuk menghimpunkan seluruh rakyat dan hulubalang, ketika itulah Syeikh Abdullah memberi cadangan untuk menukar nama raja dengan bahasa Islam agar lebih mudah dilafazkan di mimbar solat Jumaat. Lalu, nama Sultan Muzafar Syah dipilih. Setelah itu, berlakulah proses pengembangan ajaran Islam di negeri Kedah dengan nasihat dan bimbingan daripada Syeikh Abdullah.

Masjid-masjid banyak didirikan, hukum syarak diperkasakan, solat Jumaat didirikan di setiap mukim dengan jemaah setiap satunya seramai 40 orang dan pengajian al-Quran dibuat di masjid dan juga istana. Sehingga pada akhirnya, Kerajaan Kedah menjadi sebuah kerajaan Islam yang masyhur seantero Nusantara. Pelaksanaan hukum syarak dalam Kerajaan Kedah dijalankan secara penuh atas nasihat dari Syeikh Abdullah sehingga khabarnya sampai ke pengetahuan Syeikh Nuruddin di negeri Aceh. Lalu, Syeikh Nuruddin mengirinkan utusan untuk menyampaikan *Kitab Siratul Mustaqim* dan *Kitab Babu'l-Nikah*. Sultan Muzafar Syah menerima kiriman dari Aceh itu dengan gembira. Tidak lama kemudian, baginda memperoleh tiga orang putera dan diajarkan kepada putera-puteranya itu berkenaan dengan agama Islam.

Setelah baginda jatuh gering dan mangkat, takhta Kerajaan Kedah diwarisi oleh putera Almarhum Sultan Muzafar Syah yang sulung, iaitu Sultan Muazzam Syah. Sultan Muazzam Syah memerintah Kerajaan Kedah dengan adil dan saksama. Sifat berbudi bahasa dan rajin beribadah seorang sultan telah menjadikan rakyat negeri itu amat kasih dengan sultannya. Syeikh Abdullah yang selesai memberikan tunjuk ajar kepada seluruh pemerintah dan rakyat negeri Kedah itu kemudiannya membuat keputusan untuk pulang ke Baghdad bertemu kembali dengan gurunya Syeikh Abdullah Tua. Lalu dengan kesedihan Sultan Muazzam Syah menghadihkan dua buah kapal untuk digunakan oleh Syeikh Abdullah pulang ke Baghdad. Setelah beberapa ketika, Sultan Muazzam Syah jatuh gering lalu diganti takhtanya oleh cucu-cicitnya dengan mengamalkan ajaran dan kaedah Islam dalam pemerintahan dan pentadbirannya.

Dalam isu kedatangan dan perkembangan agama Islam ini, didapati naskhah *At-Tarikh Salasilah* perlu diterima sebagai sumber yang lebih utama. Meskipun penceritaan berkenaan dengan kedatangan dan perkembangan agama Islam dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* lebih panjang, tetapi kandungan non-historisnya adalah tinggi dan tidak relevan. Naskhah *At-Tarikh Salasilah* pula bukan sahaja terbukti mempunyai nilai kesejarahan yang lebih tinggi, tetapi juga kandungan unsur-unsur *historical facts* yang dikemukakan lebih jitu.

Hal ini dapat dilihat dalam tiga perkara. Pertama, melalui nama ulama yang menyebarkan Islam di negeri Kedah, iaitu Syeikh Abdullah Jaafar Al Qaumiri yang berasal dari Yaman disebutkan dengan lebih lengkap. Tambahan pula, jumpaan-jumpaan arkeologi yang memperlihatkan penemuan makam Syeikh Abdullah yang bersemadi di Padang Tok Syeikh merupakan salah satu bukti konkrit bahawa beliau dimakamkan di negeri Kedah. Sebaliknya, sebagaimana yang dicatatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, Syeikh Abdullah tidak meninggal di Kedah tetapi telah pulang ke Baghdad.

Kedua, penceritaan dalam *At-Tarikh Salasilah* berkenaan dengan kedatangan Syeikh Abdullah ke Kedah lebih berpijak di bumi nyata. Kisah ini diceritakan sebagai satu peristiwa yang berlaku di alam nyata, iaitu melalui perjalanan kapal dari Yaman ke Kedah. Sebaliknya, penceritaan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* lebih merupakan kisah sufi yang hanya terdapat dalam cerita-cerita para Wali Allah dan sukar diaplikasikan kebenarannya dalam konteks masyarakat awam. Hal ini disebabkan cerita-cerita ini lazimnya dikaitkan dengan mimpi, bukannya peristiwa sebenar. Tambahan pula, kedua-dua watak dalam cerita kewalian ini mesti merupakan dua wali sedangkan Raja Phra Ong Mahawangsa tidak boleh disifatkan sebagai wali kerana masih belum beragama Islam.

Ketiga, dari sudut pentarikan pula, *At-Tarikh Salasilah* mencatatkan pengislaman Raja Kedah berlaku pada tahun 531 Hijrah atau 1136 Masihi. Walaupun tarikh ini mungkin boleh dipersoalkan, ia juga telah diterima oleh para sejarawan memandangkan penceritaannya berpijak di bumi nyata. Sebaliknya, aspek kesejarahan yang paling menimbulkan keraguan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah masa pengislaman Raja Kedah yang dicatatkan berlaku semasa zaman kehadiran Syeikh Nuruddin Ar-Raniri di Aceh dan penghasilan buku beliau iaitu *Siratul-Mustaqim* dan *Kitab Babu 'l-Nikah* pada dekad 1630-an. Hal ini demikian kerana, pengislaman Raja Kedah ini sememangnya berlaku lebih awal dan ia berlaku selewat-lewatnya pada akhir abad ke-15 (Kobkua Suwannathat-Pian, 1988: 5).

Di sini menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur anakronisme dalam penceritaan berkenaan pengislaman Raja Kedah sebagaimana

yang diriwayatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Anakronisme merupakan peristiwa yang bersalahan masa, iaitu sesuatu peristiwa itu diawalkan atau dilewatkan masa kejadiannya. Dalam hal ini, penceritaan pengislaman Raja Kedah seolah-olah telah dilewatkan berlaku pada kurun ke-17 atau kehadiran Syeikh Nuruddin Ar-Raniri di Aceh berserta dua karyanya itu telah diawalkan daripada masa sebenarnya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dua isu yang telah dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa sememangnya wujud beberapa percanggahan antara kedua-dua sumber iaitu *At-Tarikh Salasilah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Sementara kedua-dua sumber ini merupakan sumber utama yang digunakan dalam penulisan sejarah negeri Kedah, percanggahan ini dianggap dapat mengganggu kredibiliti dan keobjektifan fakta-fakta asas berkenaan sejarah negeri. Percanggahan tersebut bukanlah semata-mata wujud dari aspek fakta sejarahnya tetapi juga dari aspek naratif antara kedua-dua buah sumber. Jika dilihat dari sudut penulisan pensejarahannya, *At-Tarikh Salasilah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* kedua-duanya membawa aspek naratif salasilah atau kajian asal usul dalam sejarah pemerintahan Kerajaan Kedah. Namun, *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dilihat sebagai salah satu sumber yang mempunyai perincian nilai sejarahnya yang lebih tinggi berdasarkan kepada pernyataan tarikh, penemuan bukti-bukti arkeologi yang banyak menyokong kepada keobjektifan fakta-fakta sejarah yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, *Hikayat Merong Mahawangsa* sendiri mempunyai komposisi naratif *non-historis* yang tinggi menyebabkan wujud unsur-unsur kompromi antara fakta sejarah dan mitos dalam penulisannya. Hal ini telah menyebabkan wujud fenomena intertekstualiti dalam naskhah ini, sekali gus memerlukan kerjasama dari beberapa bidang termasuklah bidang filologi dan sastera untuk menginterpretasikannya. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mempunyai kredibiliti yang lebih kukuh dan objektiviti yang lebih diyakini kedudukannya berbanding dengan *Hikayat Merong Mahawangsa* untuk menjadi sumber utama dalam historiografi negeri Kedah.

## PENGHARGAAN

Kajian ini diselia dan dibimbing sepenuhnya oleh Professor Madya Dr Abdul Rahman Tang Abdullah, Pensyarah Kanan dari Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sehubungan dengan itu, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada beliau atas bimbingan sepanjang melaksanakan kajian dan penulisan ini.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (2018). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jusoh Kadir (2001). *The Teaching of Arabic in Malaysia: A study of its historical perspective, objectives and methods of teaching*. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan), University of Wales, Cardiff, Wales.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1988). *Thai-Malay relations: Traditional intra-regional relations from the seventeenth to the early twentieth centuries*. Singapore, Oxford New York: East Asian Historical Monographs, Oxford University Press.
- Low, J. Lieut-Col. (1894). *Hikayat Merong Mahawangsa The Keddah annals*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.
- Mahayudin Yahya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maier, Hendrick M.J. (2021). *Hikayat Merong Mahawangsa pertarungan wibawa di jantung kuasa*, Bangi: Penerbit Kawah Buku.
- Mariyam Salim. (2005). *Undang-undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mior Ahmad Noor Mior Hamzah. (2002). Kesultanan Kedah: Satu Pengenalan Ringkas Wilayah dan Jirannya. *Jurnal JATI*, 7(Disember 2002), 117-136.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2013). Hubungan Kesultanan Kedah dengan Siam. *Seminar Kesultanan Negeri Kedah*. Muzium Negeri Kedah, Kedah.
- Mohd Fadli Ghani. (2020). *Syeikh Abdullah Al Qumairi Al Yamani: Penyebar Islam di Kedah*. Diakses daripada <https://berita.pas.org.my/Syeikh-abdullah-al-qumairi-al-yamani-penyebar-islam-di-kedah/> pada 25 Mei 2022.
- Mohd Faizal Harun. (2015). *Tasawuf dan tarekat sejarah perkembangan dan alirannya di Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Faiz, Che Abdullah. (2020), Kalbu Qalha sebuah dokumentasi sosiobudaya Negeri Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(1).
- Muhammad Hassan. (2018). *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

- Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Persejaraahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Salmah Jan Nor Muhammad. (2014). Bingkisan hadiah pencetus keberlangsungan hubungan diplomatik pada zaman Kesultanan Melayu. *International Journal of The World and Civilisation*, 2 (2), 91-103
- Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Skinner, C. (1983). A Malay Mission to Bangkok: During the Reign of Rama II. *Journal of Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, 56(2).

**NOR ATIQA BINTI SUKRI** ialah pelajar Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah) di Pusat Pengajian Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Melayu dan Historiografi Islam.